

Khamenei sifat Israel penjenayah

BERITA HARIAN 02/06/2010 MIS 34

Pemimpin agung Iran kecam serangan kapal bantuan perbuatan jenayah, kejam




T EHERAN: Pemimpin Agung Iran, Ayatollah Ali Khamenei menyifatkan serangan Israel terhadap sekumpulan kapal yang membawa bantuan ke Gaza sebagai perbuatan jenayah dan kejam.

Beliau menuduh Washington dan sekutunya di Eropah kerana memberi sokongan kepada penjenayah terbabit dari segi politik, ketenteraan dan kewangan.

"Israel adalah rejim yang sentiasa dahagakan darah, tidak menghormati orang lain dan bodoh," tegasnya dalam kenyataan yang dibaca menerusi radio.

Presiden Iran, Mahmoud Ahmadinejad pula mahukan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meluluskan resolusi yang boleh menghalang Israel daripada melakukan lebih banyak jenayah.



POLIS Israel membawa anak kapal yang parah untuk mendapatkan rawatan di Hospital Barzilai, utara bandar Ashkelon, keimarin.

Sekurang-kurangnya sembilan orang terbunuh apabila komando tentera laut Israel menyerang kapal yang menuju ke Gaza kelmarin.

Di **ANGKARA**, Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan, berkata Israel sepatutnya dihukum kerana melakukan pembunuhan beramai-ramai di atas kapal

berkenaan, sambil memberi amaran kepada negara Yahudi itu supaya jangan menguji kesabaran Turki.

"Pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan Israel terhadap kapal yang membawa bantuan ke Gaza sememangnya wajar dikutuk," kata Erdogan ketika berucap di parlimen semalam.

Sementara itu, masyarakat antarabangsa semalam terus membantah tindakan Israel itu yang mencabuli hak asasi manusia.

Di **JAKARTA**, ribuan umat Islam berarak di beberapa bandar menunjukkan bantahan mereka berikutan kejadian di perairan antara-bangsa itu kelmarin.

Di pinggir ibu kota ini, a 200 penunjuk perasaan memakai pakaian putih mengadakan perhimpunan di Tugu Selamat Datang, memaparkan kain rentang dan poster mengutuk Israel. Beratus-ratus lain dijangka mengadakan bantahan di luar Kedutaan Amerika Syarikat lewat semalam.

Bantahan sama turut dilancarkan di ibu kota Jawa Barat di Bandung, 1,000 pelajar mengibarkan bendera Palestin dan PBB, menuntut badan dunia itu mengambil tindakan keras ke atas Israel. Bantahan juga berlaku di Pamekasan dan pulau Madura.

Perancis, Russia dan China, anggota tetap majlis pemegang veto PBB juga mengesakan satu inkuiri bebas terhadap kejadian itu.

Amerika Syarikat, sekutu tradisi Israel yang sering menggunakan kuasa vetonya membantunya negara Yahudi itu, tidak meminta secara khusus Israel menamatkan keupungan ke atas Semenanjung Gaza. Namun, ia memberi bayangan langkah itu perlu diringankan. - Agensi

Israel ancam halang kapal

BAITULMAQDIS: Israel memberi amaran akan terus menghalang semua kapal bantuan daripada mendekati Gaza yang ditawarkan, sementara aktivis pula berikrar untuk merempuh halangan walaupun misi terbaru mereka berakhir dengan pertumpahan darah.

Amaran dibuat Pegawai Kanan Pertahanan Israel ketika polisnya memenjarakan atau menghantar pulang beratus-ratus aktivis yang ditahan selepas kapal Gaza dikepung komando negara Yahudi itu dalam serbuan awal pagi di perairan antarabangsa kelmarin, mengakibatkan sembilan terbunuh.

Serbuan yang mencestuskan kemarahan antara bangsa itu memaksa Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu membatalkan lawatan ke Washington bagi mengadakan pertemuan dengan Presiden Barack Obama.

"Kami tidak membenarkan kapal mendekati Gaza dan menghantar bekalan," kata Timbalan Menteri Pertahanan, Matan Vilnai kepada radio awam. - AFP